

KAEDAH TALAQQI MUSYAFahah DALAM PENGAJARAN AL QURAN WA AL-HIFZ KURIKULUM DINI SABK DI PERAK

METHOD OF TALAQQI MUSYAFahah IN TEACHING AL QURAN WA AL-HIFZ DINI CURRICULUM SABK IN PERAK

Norhisham bin Muhamad¹

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
(Email: nhisham@fsk.upsi.edu.my)

Azmil bin Hashim²

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Wahyu Hidayat Bin Abdullah³

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Muhammad Akramin Bin Kamarul Zaman⁴

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Fatin Ardani Binti Zamri⁵

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Received date: 22-07-2019

Revised date: 06-08-2019

Accepted date: 08-08-2019

Published date: 15-09-2019

To cite this document: Muhamad, N., Hashim, A., Abdullah, W. H., Kamarul Zaman, M. A., & Zamri, F. A. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (32), 273-283.

DOI: 10.35631/IJEPc.4320025

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelaksanaan Talaqqi Musyafahah pengajaran Al Quran Kurikulum Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Perak, mengkaji tahap penguasaan bacaan Al Quran dan hubungan antara pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dengan penguasaan bacaan Al Quran pelajar SABK. Maklumat kajian diperolehi melalui kaedah kuantitatif melalui soal selidik dengan melibatkan 304 orang pelajar tingkatan empat SABK di negeri Perak. Data kajian yang dikumpul, diproses dengan menggunakan perisian windows SPSS versi 22.0. Penemuan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan Talaqqi Musyafahah berada pada tahap tinggi (min=4.15,sp.=0.65) dan penguasaan bacaan al Quran pelajar adalah tinggi (min=4.28,sp.=0.52). Kajian juga menunjukkan juga bahawa wujudnya hubungan yang sederhana tinggi ($r=0.514$, $p<0.01$) antara pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dengan penguasaan bacaan Al Quran. Secara keseluruhan, hubungan antara pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dengan tahap penguasaan adalah kukuh. Ini membuktikan talaqqi Musyafahah penting dalam pengajaran dan pembelajaran al –Quran. Implikasi daripada

kajian menunjukkan pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dapat meningkatkan penguasaan bacaan al Quran pelajar.

Kata Kunci:Talaqqi Musyafahah, Al Quran Wa Al-Hifz, Kurikulum Dini, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Abstract: *This study was conducted to identify the implementation of Talaqqi Musyafahah on teaching al-Quran in Dini Curriculum at the Perak Government Assisted Religious Schools (SABK), to study the level of achievement in Al Quran reading and the relationship between the implementation of Talaqqi Musyafahah with the achievement of Al Quran reading of SABKs' students. Research information was obtained through quantitative methods from questionnaires involving 304 form four SABKs' students in Perak. The collected data was processed using the windows program of SPSS software version 22.0. The results of the study indicate that the implementation of Talaqqi Musyafahah was high (mean=4.15, sp.= 0.65) and the achievement of al Quran reading was high (mean=4.28, sp=0.52). The study also shows that there was a moderate high relationship ($r=0.514$, $p < 0.01$) between the implementation of Talaqqi Musyafahah with the achievement of the al Quran reading. Overall, the relationship between the implementation of Talaqqi Musyafahah with the achievement level was strong. This proved that Talaqqi Musyafahah is important in teaching and learning of al-Quran. Implications from the study show that the implementation of Talaqqi Musyafahah can enhance the achievement of reading the al Quran among the students.*

Keywords: *Talaqqi Musyafahah, Al Quran Wa Al-Hifz, Dini Curriculum, Government Assisted Religious Schools (SABK)*

Pendahuluan

Usaha-usaha untuk memartabatkan Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah menyebabkan berlakunya transformasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia menerima pendaftaran Sekolah Agama Rakyat dengan nama Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Dalam usaha memartabatkan SABK, KPM memperkenalkan satu kurikulum baharu yang dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). KBD diperkenalkan pada tahun 2015 hasil daripada cadangan Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada Ogos 2004. Kurikulum Bersepadu Dini merupakan gabungan kurikulum *Buu'th Azhari* yang dilaksanakan oleh setiap negeri yang diselaraskan dengan kurikulum Kebangsaan dan dibangunkan berdasarkan *manhaj* ahli sunah wa al-jemaah dan mengambil kira pendapat muktabar Mazhab Shafi'e (KPM,2015).

Mata pelajaran Syariah yang ditawarkan di dalam kurikulum dini sebenarnya merangkumi 2 bidang iaitu *al-Quran wa al- Hifz* dan juga Fiqh. Bidang *al-Quran wa al-Hifz* pula meliputi bacaan al-Quran yang berkualiti dengan bertajwid yang betul serta hafazan yang meliputi surah dan makna kalimah terpilih dan keseluruhan surah al-Mulk, Yasin, al-Sejadah, al-Insan bersama keseluruhan maknanya. Manakala bidang Fiqh meliputi Fiqh Ibadat, Fiqh Munakahat, Fiqh Muamalat dan Fiqh Jinayat (KPM, 2015).

Bidang *Al Quran Wa Al Hifz* merupakan salah satu sukatan pelajaran yang terkandung dalam bidang ulum syariah kurikulum bersepadu dini (KBD) di Sekolah Agama Bantuan kerajaan (SABK). Ia memerlukan satu bentuk pengajaran yang berkesan dalam memastikan penguasaan pelajar dalam bidang al-Quran. Pengajaran ialah suatu tugas dan aktiviti yang dilakukan